

**MINIT MESYUARAT
CADANGAN PEMBINAAN MASJID ALAM SARI
KAJANG SELANGOR
MESYUARAT NO. 02/2019**

TARIKH : 16 Ogos 2019 (Jumaat)
15 Zulhijjah 1440
MASA : 9.15 mlm
TEMPAT : SURAU AL AMIN ALAM SARI

Kehadiran;

1. YBhg Dato' Sayed Jaafar Sayed Ibrahim (DSJSI)
2. Sdr Abdul Hafidz Kudus (AHK)
3. Sdr Mohd Al-Faizal bin Halid (MAFH)
4. Sdr Ruhaizan Abd Rahman (RAR)
5. Sdr Hamidul Ghazali Mohamed (HGM) – pencatat minit mesyuarat
6. Sdr Mohd Fahmi Belal (MFB)

Agenda Mesyuarat;

1. Status permohonan masjid Alam Sari
2. Proses penubuhan masjid Alam Sari
3. Lain-lain perkara berbangkit

No	Agenda Dibincangkan	Tindakan
1.0	<u>Status Permohonan Masjid Alam Sari</u>	
1.1	Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg Dato Sayed Jaafar dan beliau memberikan kata-kata aluan dan ucapan tahniah kepada Sdr Hafidz kerana telah menggerakkan usaha penubuhan masjid di Alam Sari.	
1.2	Sdr Hafidz memaklumkan bahawa surat permohonan pembinaan masjid bertarikh 31 Julai 2019 yang ditandatangani oleh Dato Sayed telah diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 1 Ogos 2019 dan salinan juga telah dihantar kepada pihak Pegawai Daerah Hulu Langat, Pejabat ADUN Bangi serta pemaju SP SETIA Berhad.	Makluman
1.3	Pihak pemaju sebelumnya iaitu I&P Group juga sebelum ini pernah menghantar surat permohonan pembinaan masjid kepada JAIS bertarikh 21 Ogos 2014 tetapi sehingga kini belum mendapat maklum balas positif daripada JAIS. Oleh itu usaha permohonan pembinaan masjid ini perlu digerakkan kembali oleh pihak penduduk Alam Sari sendiri.	Makluman
1.4	Seterusnya Sdr Hafidz memaklumkan bahawa permohonan kita akan disenaraikan dalam turutan JAIS (under queue) ke 40 maka langkah-langkah segera perlu di ambil oleh penduduk bagi mempercepatkan proses kelulusan dan pembinaannya.	Makluman

1.5	Dimaklumkan juga bahawa mesyuarat dalaman JAIS bagi membincangkan berkaitan pembinaan dan pengurusan masjid akan dibuat sekali setiap dua (2) bulan.	
2.0	<u>Proses Penubuhan Masjid Alam Sari</u>	
2.1	Sdr Hafidz juga memaklumkan bahawa pihak JAIS menasihatkan kita untuk melaksanakan perkara-perkara berikut: a) Membentuk Ahli Jawatankuasa Kuasa (AJK) bertindak bagi menguruskan hal ehwal permohonan dan pembinaan masjid b) Menyediakan cadangan awal konsep dan perspektif gambaran masjid yang akan dibina (preliminary draft) c) Melengkapkan borang permohonan rasmi kepada JAIS untuk tindakan seterusnya	Makluman
2.2	Sdr Hafidz mencadangkan hebahan kepada penduduk dibuat bagi mengenalpasti calon sukarela serta melihat kepada bidang kepakaran penduduk masing-masing. Walau bagaimanapun, dicadangkan pemilihan calon akan dibuat bagi melihat kesesuaian menganggotai AJK bertindak tersebut kelak. Antara kepakaran diperlukan adalah seperti Akauntan/Juruaudit, Teknologi Maklumat, Akitek/Rekabentuk dan lain-lain yang akan diputuskan kelak.	Makluman
2.3	Dato Sayed bersetuju dan mencadangkan hebahan dilakukan ke Group ArRaudhah dan Group Surau serta setiap persatuan penduduk (RA) di Alam Sari pada minggu hadapan. Penglibatan setiap Pengerusi dan Setiausaha persatuan penduduk perlu di dalam AJK ini bagi memperoleh sokongan setiap fasa-fasa perumahan di sini.	AHK
2.4	Sdr Ruhaizan memaklumkan mesyuarat agung surau Al Amin dijangka akan dilakukan pada pertengahan Oktober 2019 (sebelum 15/10) tertakluk kepada persetujuan pihak JAIS. Maka mesyuarat tersebut boleh juga menjadi platform pemilihan serta mengenalpasti calon-calon AJK kelak.	Makluman
2.5	Sdr Hamidul mencadangkan perlu ada AJK yang membentuk team teknikal yang memiliki kepakaran dalam bidang kejuruteraan awam dan struktur, mekanikal & elektrik, juru ukur bahan dan lain-lain berkaitan bagi melihat proses perlantikan juruperunding dan hal ehwal kontrak kelak.	Makluman
2.6	Dato Sayed juga meminta penjelasan berhubung sumbangan pemaju iaitu I&P Menara Sdn Bhd (subsidiari SP SETIA BHD) dalam isu ini dan Sdr Hamidul memaklumkan bahawa pihak AJK boleh mencuba membuat permohonan rasmi kepada pihak pemaju memohon sumbangan setelah permohonan pembinaan masjid diluluskan oleh pihak JAIS kelak.	AJK

<p>3.0</p>	<p><u>Lain-lain Perkara Berbangkit</u></p> <p>Dato Sayed meminta pandangan berkaitan nama masjid yang boleh dipilih untuk dicadangkan kepada pihak JAIS untuk diisi di dalam borang permohonan rasmi.</p> <p>Sdr Hamidul mencadangkan nama masjid iaitu 'Masjid Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj' memandangkan baginda adalah Sultan/Ketua Negeri dan Ketua Agama Islam di Selangor pada masa ini. Ia dipercayai tiada lagi nama masjid di Selangor sempena nama baginda setakat ini. Diharapkan juga, dengan pemilihan nama ini dapat menggerakkan proses kelulusan dan pembinaan masjid Alam Sari dengan lebih cepat dipihak JAIS.</p> <p>Walau bagaimanapun, ia perlu dirujuk kepada pihak JAIS terlebih dahulu bagi mendapatkan pandangan. Lain-lain nama juga boleh dicadangkan oleh AJK kelak bagi mendapatkan maklum balas.</p> <p>Sdr Hamidul juga mencadangkan agar kita mengenalpasti setiap proses gerak kerja serta Pelan Tindakan yang dijangka terlibat bagi permohonan masjid ini supaya ia dapat diletakkan tempoh masa (timeline/milestone) bagi memastikan ia dapat dikawal serta tidak tersasar daripada jadual asal.</p> <p>Sdr Al-Faizal mencadangkan penglibatan muslimat di Alam Sari bagi proses ini akan diambil kira supaya peranan dan kepakaran mereka digunakan sepenuhnya.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>4.0</p>	<p>Mesyuarat telah ditangguhkan oleh Dato Sayed lebih kurang pada pukul 10.00 mlm dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir. Mesyuarat seterusnya akan dimaklumkan kelak jika terdapat perkara-perkara serta perkembangan berkaitan.</p>	<p>Makluman</p>

SEKIAN TERIMA KASIH